

# Kabinet Abdullah umpama cerita kartun

*Suaras Keadilan - 2-16/3/2006*

**TIMBALAN** Presiden KeADILan Dr Syed Husin Ali menyifatkan rombakan kabinet terbaru umpama cerita kartun dan membuktikan Perdana Menteri tidak mampu membawa perubahan.

"Abdullah sungguh lemah, setelah dua tahun rakyat Malaysia menunggu rombakan kabinet, Abdullah hanya terdaya mengangkat dua orang menteri yang terkenal sebagai orang Mahathir.

Saya nampak kabinet ini bukan sahaja mengekalkan yang lama, bahkan kelihatan seolah-olah menguatkan proksi Mahathir,"

Lebih teruk lagi, kata Syed Husin, mereka diketahui umum terlibat dengan rasuah besar terus dikekalkan jawatan kabinet yang sudah mereka pegang berpuluh-puluh tahun.

"Saya anggap kabinet sekarang kabinet rasuah. Bagaimana kabinet yang rasuah boleh memerangi rasuah?"

"Di negara lain, jikalau terbukti kesalahan seseorang pemimpin, dia akan meletak jawatan.

Tetapi tidak di negara ini. Malah Perdana Menteri tidak berani mengambil tindakan," kata beliau.